



### Pusat Sukan Anjur Bola Keranjang '3 ON 3' Terbuka UPM Piala Pusingan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi



**SERDANG, 24 Okt** - Pusat Sukan Universiti Putra Malaysia telah menganjurkan Kejohanan Bola Keranjang '3 on 3' Terbuka UPM pada 23 dan 24 Oktober lalu di Dewan Serbaguna Pusat Sukan di sini.

Sebanyak 39 pasukan lelaki dan 17 pasukan wanita telah bertanding dengan menyaksikan pencapaian terbaik UPM ialah menerusi Kelab CTL d' UPM yang meraih naib johan wanita.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Saifuddin Abdullah menyampaikan hadiah kepada johan pertandingan iaitu wang tunai RM500 berserta piala pusingan, piala iringan, medal dan sijil sementara naib johan wang tunai sebanyak RM400, piala iringan, medal dan sijil bagi setiap kategori.



Berikut adalah keputusan kejohanan:-

#### **KATEGORI LELAKI**

JOHAN- Pirates  
 NAIB JOHAN – Casablancas  
 KETIGA – SARS

#### **KATEGORI WANITA**

JOHAN - Potato Team  
 NAIB JOHAN - CTL d' UPM  
 KETIGA - Nobody

Pasukan yang bertanding ialah UPM, UMP, UIAM, UNITEN, Zero Condition, Seven Diamond, Pink Pusher, Candy Line, KL Shooter's, Snitcher's, Pirates, Dream Team, Per. Bola Keranjang Selangor, Goblin, SARS, Serdang, CTL d' UPM, dan Casablanclas.



**Berita disediakan oleh Zainal Mukri, Pusat Sukan, foto oleh Unit Foto BKK.**

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia